

| | | | |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline | SARANAN | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 08 Aug 2014 | Color | Black/white |
| Section | Letters | Circulation | 178,211 |
| Page No | 25 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 108 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,407 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,222 |



SARANAN

■ BANYAK rungutan daripada orang ramai tentang mutu siaran Astro yang tidak memuaskan, termasuk rancangannya yang diulang-ulang. Kerajaan patut pertimbangkan untuk membenarkan penggunaan parabola terbuka di negara ini.

019-369XXXX

■ SAYA cadangkan agar pihak berkuasa menyita kenderaan milik pesalah trafik dari Singapura dan hanya akan melepaskan kenderaan itu setelah semua saman tertunggak dijelaskan.

W.MIE

■ MAJLIS Amanah Rakyat (Mara) perlu mewujudkan akademi khusus bagi melatih belia Melayu untuk menjadi pemandu bas dan trak yang berkemahiran tinggi.

CUCU TOK JANGGUT

■ KAFE siber 24 jam adalah punca yang mendatangkan banyak masalah sosial dan meningkatkan kegiatan jenayah membabitkan golongan belia. Mohon lesen dibatalkan.

PBT SARA

■ KALAU nak jaga standard dan imej kereta Proton, jangan jadikannya sebagai teksi dan kereta polis di Malaysia.

BISA TAMINGSARI

■ MAKLUMAT yang tidak mendatangkan manfaat dalam internet sepatutnya telah lama ditapis seperti yang disarankan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Fitnah berleluasa dan mampu meruntuhkan sesebuah kerajaan.

PAK BUSU

■ SEDIH kerana banyak kontraktor kelas F yang gulung tikar. Kerajaan mesti bantu kontraktor Melayu dan bumiputera ini.

XYJ

■ BAITULMAL dan juga Tabung Haji hendaklah membeli rumah mampu milik yang dibina pemaju di kawasan bandar untuk disewakan kepada orang Melayu sebelum mereka mampu membeli rumah sendiri.

019-369XXXX